



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS MEDIA AKAN DITUBUHKAN SETELAH 45 TAHUN DIBINCANGKAN; DIPERSETUJUI KABINET PADA DISEMBER 2019

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah mengadakan satu perjumpaan pada pagi ini bersama ketua-ketua organisasi media dan wakil-wakil badan bukan kerajaan (NGO) mengenai penubuhan sebuah jawatankuasa pro-tem bagi merangka penubuhan Majlis Media di Malaysia.

Jawatankuasa pro-tem yang terdiri daripada 17 orang mewakili organisasi-organisasi media cetak, elektronik dan atas talian; organisasi wartawan media tempatan dan antarabangsa; kesatuan wartawan; serta wakil-wakil NGO seperti di lampiran.

Jawatankuasa pro-tem ini ditubuhkan berikutan keputusan Jemaah Menteri pada 6 Disember yang lalu yang telah memersetujui cadangan penubuhan sebuah Majlis Media sebagai sebuah badan kawal-selia sendiri

(*self-regulatory body*) bagi menjaga kepentingan media dan para pengamalnya.

Keputusan ini merupakan sebuah anjakan besar kerana kini usaha penubuhan Majlis Media ini telah mula bergerak setelah lama ditangguhkan. Saya difahamkan bahawa cadangan penubuhan sebuah Majlis Media telah dibangkitkan buat kali pertama sejak 45 tahun lalu.

Kini selaras dengan aspirasi Manifesto Pakatan Harapan (Janji 27), kita akan menubuhkan sebuah Majlis Media yang dianggotai oleh tokoh-tokoh media, yang akan dipertanggungjawabkan menyelaras garis panduan etika pelaporan dan bertindak sebagai badan hisbah dalam menangani aduan serta maklum balas berkaitan media.

Jawatankuasa pro-tem ini mempunyai dua (2) bulan untuk membincang dan meneliti penyediaan Rang Undang-undang (RUU) bagi penubuhan serta fungsi-fungsi Majlis Media ini.

Deraf RUU yang akan dirangka oleh jawatankuasa ini akan meneliti 5 bidang utama:

- objektif dan fungsi majlis
- perlembagaan majlis dan keahlian
- kod tatalaku
- kaedah penyelesaian pertikaian

- peruntukan umum termasuk mengkaji undang-undang semasa yang perlu dimansuhkan atau dipinda apabila majlis itu dibentuk.

Majlis Media ini akan meliputi semua jenis media di Malaysia, iaitu media cetak, elektronik dan atas talian. Ia akan memperkasa dan memastikan kebebasan media serta hak-hak pengamal media dipelihara sementara memastikan pengamalan media yang lebih bertanggungjawab.

Sebagai sebuah badan yang juga akan mengawal selia industri media, majlis ini juga boleh membuat pemantauan semasa berdasarkan undang-undang serta bertindak berhubung aduan orang ramai mengenai media.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengemukakan cadangan-cadangan mengenai penubuhan Majlis Media ini dan saya berharap jawatankuasa pro-tem ini akan mempertimbangkan segala pandangan daripada semua pihak berkepentingan dalam merangka RUU ini.

GOBIND SINGH DEO

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

16 JANUARI 2020

LAMPIRAN

DATUK ABDUL KADIR JASIN – PENASIHAT

1. ENCIK PREMESH CHANDRAN (MALAYSIAKINI) - **PENGERUSI**
2. DATO DR CHAMIL WARIYA (MALAYSIAN PRESS INSTITUTE)
3. DATUK YONG SOO HEONG (MALAYSIAN PRESS INSTITUTE)
4. PUAN DING JO ANN (CENTRE FOR INDEPENDENT JOURNALISM)
5. DATUK MOKHTAR HUSSAIN (BERNAMA)
6. DATUK AHIRUDIN ATTAN (NATIONAL PRESS CLUB)
7. PUAN GAYATHRY VENKITESWARAN (NOTTINGHAM UNIVERSITY)
8. KUIK CHENG KANG (EDITORS' ASSOCIATION OF CHINESE MEDIUM MALAYSIA)
9. TEHMINA KAOOSJI (JOURNALISTS ALLIANCE)
10. RADZI RAZAK (GERAKAN MEDIA MERDEKA)
11. ASHWAD ISMAIL (ASTRO AWANI)
12. ROZAID A. RAHMAN (THE STAR)
13. JAHABAR SADIQ (THE MALAYSIAN INSIGHT)
14. WAKIL DARI SABAH
15. WAKIL DARI SARAWAK

16.NATIONAL UNION OF JOURNALISTS (NUJ)

17.FOREIGN CORRESPONDENTS CLUB MALAYSIA (FCCM)